

Pengelakan Cukai: Kajian Kes Di Kolej Poly-Tech MARA, Kuala Lumpur (KPTMKL)

*Tax Avoidance: A Case Study at the College of Poly-Tech MARA,
Kuala Lumpur (KPTMKL)*

Syatila binti Che Saruji (syatila.che.saruji@gmail.com)
Fakulti Pengajian Professional
Kolej Poly-Tech MARA, Kuala Lumpur

Mohd Rizal bin Palil (mr_palil@ukm.my)
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Pengelakan cukai boleh ditakrifkan sebagai kelakuan yang menyalahi undang-undang secara sengaja dan melibatkan pelanggaran langsung undang-undang cukai untuk melarikan diri dari pembayaran cukai. Pengelakan cukai telah wujud sejak Kerajaan mula mengenakan cukai. Kajian ini melihat hubungan diantara demografi dengan pengelakan cukai dikalangan kakitangan akademik di Kolej Poly-Tech MARA, Kuala Lumpur. Enam hipotesis telah dibangunkan dengan melihat kepada faktor demografi seperti jantina, umur, pendapatan bulanan, tahap pendidikan, penyedia laporan pendapatan tahunan dan status perkahwinan. Kajian ini dijalankan menggunakan soalselidik. Hasil kajian demografi berkelompok juga dibuat bagi melihat kumpulan pengelak cukai secara keseluruhan. Kajian ini mendapati bahawa pengelakan cukai disebabkan oleh faktor jantina dan tahap pendidikan yang rendah di kalangan pembayar cukai. Kajian ini diharapkan mampu memberikan input kepada penggubal polisi untuk meningkatkan kecekapan pentadbiran cukai dan seterusnya meningkatkan kutipan cukai.

Katakunci : Pengelakan Cukai, Faktor Demografi

ABSTRACT

Tax evasion can be defined as the behavior against law either intentionally or unintentionally. It involves the violation of tax laws to evade tax payments. Tax evasion has been around since the government began to impose taxes. This study examines the relationship between demographic factors and tax evasion among the academic staff at Kolej Poly-Tech MARA, Kuala Lumpur. Six hypotheses were developed by looking at demographic factors such as gender, age, income, education level, tax agent and marital status. The study also made for demographic group to see the overall tax dodger. This study found that tax evasion was influenced by the level of education and gender. This paper is expected to provide initial inputs to tax authority in cultivating awareness of the importance of tax system in a developing country.

Keywords: Tax evasion, demographic factors

PENGENALAN

Setiap tahun, setiap pembayar cukai bertanggungjawab untuk melaporkan setiap pendapatan yang diterima, mengira liabiliti cukai mereka dengan betul dan tepat sepanjang tempoh tahun taksiran kepada pihak yang berwajib. Setiap resit dan dokumen-dokumen sokongan disimpan bagi dijadikan sebagai dokumen sokongan untuk setiap penolakan yang dibuat. Pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bergantung kepada laporan pendapatan yang jujur oleh setiap pembayar cukai. Walaubagaimanapun, LHDN menjalankan pemeriksaan ke atas laporan cukai untuk memastikan bahawa pembayar cukai melaporkan pendapatan mereka secara benar. Sekiranya pembayar cukai gagal melaporkan maklumat pendapatan mereka dengan betul, tindakan dan hukuman akan dikenakan.

Namun, apakah tanggungjawab kita sebagai pembayar cukai? Adakah kita telah melaporkan pendapatan kita dengan jujur? Atau kita cuba untuk memanipulasi data bagi mengelak dari membayar cukai? Ini berdasarkan kajian oleh **Eicher, Stuhldreher dan Stuhldreher (2007)** yang mengatakan penipuan dalam pelaporan cukai adalah sesuatu perkara yang biasa. Yang menariknya lagi adalah hasil kaji selidik yang dibuat oleh **Blake Ellis (2011)** di Amerika pada **Mac 2011** menjumpai bahawa penipu cukai ini tergolong dalam kumpulan lelaki bujang yang berumur bawah 45 tahun. Hasil kaji selidik ini membuktikan bahawa penipuan dalam cukai pendapatan ini bukan datang dari golongan miskin atau kaya, tetapi kajian ini mendapati individu-individu yang menipu cukai secara amnya mempunyai tahap pendapatan yang sama dengan individu yang tidak menipu. Kita tidak mempunyai masa, kemampuan dan kemahiran untuk membina jalan raya dan jambatan sendiri, jadi dengan membayar cukailah kita dapat membantu pihak Kerajaan untuk menyediakan kemudahan ini untuk semua. Pengelakan cukai tidak harus dibiarkan kerana mereka yang tidak membayar cukai ini sebenarnya hidup dengan kemurahan hati mereka yang bersungguh-sungguh dan jujur dalam pelaporan pendapatan. Mereka dikatakan menerima kemudahan dan manfaat yang sama walaupun dengan tidak membayar cukai. Setiap pesalah dalam pengelakan cukai secara umumnya tertakhluk kepada tuduhan jenayah dan penalti yang berat.¹ Namun, terdapat perbezaan antara meminimumkan cukai dengan mengelak cukai. Setiap warganegara mempunyai hak untuk mengurangkan jumlah cukai yang mereka perlu bayar selagi ia adalah tidak menyalahi undang-undang. Menurut **McGee dan Gelman (2008)**, pengelakan cukai telah wujud sejak Kerajaan mula mengenakan cukai. Secara umumnya, pengelakan cukai ditakrifkan sebagai kelakuan pengelakan cukai yang menyalahi undang-undang secara sengaja dan melibatkan pelanggaran langsung undang-undang cukai untuk melarikan diri dari pembayaran cukai. **Slemrod (2007)** menyatakan pengelakan cukai merujuk kepada kes di mana seseorang itu menyalahi undang-undang untuk mengelak cukai. **Barone dan Mocetti (2009)** pula mendefinisikan pengelakan cukai sebagai pengurangan pendapatan orang ramai dengan memberi kesan dalam Kunci Kira-kira yang melibatkan kesan ekonomi dan sosial.

KAJIAN-KAJIAN TERDAHULU

Antara kajian-kajian yang melihat kepada pengelakan cukai adalah seperti kajian yang dibuat oleh **Eduardo, Galetovic & Raddatz (1999)** menunjukkan skop pengagihan semula cukai adalah agak terhad memandangkan kebanyakan mereka berusaha untuk mengelak atau melarikan diri dari membayar cukai kerana mendapati sistem cukai yang diamalkan di negara mereka adalah bersikap tidak adil dan berat sebelah. Kajian oleh **Epstein & Gang (2009)** cuba memahami fenomena di mana sebahagian besar daripada penduduk di Jerman mengelak daripada membayar cukai. Satu model pengelakan cukai telah dibuat yang mengandungi beberapa faktor-faktor pengelakan cukai. Salah satu faktor yang di ketengahkan adalah kebanyakan mereka tidak membayar cukai adalah kerana melihat individu lain yang tidak membayar cukai. Di Malaysia, satu kajian telah dijalankan oleh **Fatt & Khin (2011)** yang mengkaji sama ada peniaga kecil Malaysia memahami mekanisme sistem cukai taksiran sendiri dan mendapatkan masalah-masalah yang dihadapi oleh peniaga kecil Malaysia terhadap tahap pematuhan cukai dan audit cukai oleh peniaga-peniaga industri kecil dan sederhana (SME) di Malaysia. Penemuan daripada kajian ini menunjukkan kebanyakan para peniaga SME berasa terbeban dengan sistem baru, yang mana para peniaga kurang berpengetahuan dalam memahami seterusnya mematuhi sistem-sistem pentadbiran cukai. **Houstan dan Tran (2001)** mengkaji hubungan pembolehubah demografi dengan pengelakan cukai. Jantina, umur, pendapatan, pekerjaan, tahap pendidikan dan penyedia laporan pendapatan merupakan pembolehubah demografi yang dikaji bagi dikaitkan dengan pengelakan cukai. Bagaimanapun, daripada semua pembolehubah yang dikaji, hanya jenis pekerjaan sahaja boleh dikaitkan dan mempengaruhi tindakan pengelakan cukai. Kajian **Houstan dan Tran (2001)** ini dijadikan sebagai rujukan kajian bagi kajian saya yang melihat kepada hubungan demografi dengan pengelakan cukai. Antara kajian-kajian lepas yang mengkaji hubungan antara pembolehubah demografi dengan pengelakan cukai adalah seperti kajian yang dibuat oleh **McGee dan Tyler (2006)** melihat perbezaan demografi yang boleh mempengaruhi sikap pengelakan cukai ke atas 33 negara dan hasil kajian mendapati lelaki adalah lebih ramai yang mengelak dari membayar cukai berbanding wanita, selari dengan kajian yang dibuat oleh **Akaah 1989; Boyd, 1981; Hoffman, 1998)** yang mengatakan wanita lebih beretika berbanding lelaki. Golongan muda pula merupakan kumpulan yang lebih mengelak cukai berbanding golongan yang lebih tua sekaligus menyokong kajian **Alm &**

¹ <http://www.hasil.gov.my> – di bawah Seksyen 113(1)(b) – Memberi maklumat yang tidak tepat mengenai tanggungan cukai sendiri atau orang lain akan dikenakan denda RM1,000 hingga RM10,000 dan kadar 200% atas cukai TERKURANG lapor dan di bawah dan Seksyen 114(1) – Sengaja mengelak cukai boleh didenda RM1,000 hingga RM20,000, penjara atau kedua-duanya dan 300% atas cukai TERKURANG lapor.

Torgler (2004) yang mendapati kita hanya akan lebih menghormati Kerajaan dan pihak Berkuasa apabila lebih dewasa. Turut diketengahkan dalam kajian mereka adalah golongan yang berpendidikan tinggi adalah lebih cenderung untuk mengelak cukai berbanding yang tidak berpendidikan tinggi dan golongan dalam berpendapatan tinggi adalah lebih tinggi untuk mengelak cukai berbanding yang berpendapatan rendah. Pelbagai kajian lain yang dibuat oleh **McGee et al.** sejak tahun **1994 hingga 2008** mendapati bahawa pengelakan cukai adalah dianggap wajar jika sistem cukai dilihat sebagai tidak adil, jika Kerajaan menyalahgunakan hak asasi manusia, jika dana cukai disalurkan ke dalam poket ahli politik yang korup dan jika kadar cukai terlalu tinggi. Sekali lagi **McGee (2009)** mengkaji tentang pengelakan cukai berdasarkan perbezaan demografi di Republik Moldova dan Romania. Hasil kajian mendapati pengelakan cukai di Republik Moldova berbanding Romania. Kumpulan individu yang mengelak cukai di Romania kebanyakannya dari golongan-golongan muda sama seperti kajian-kajian lepas (**Alm & Torgler, 2004; McGee & Tyler, 2006**). Berbeza pula dengan kajian di Republik Moldova yang mendapati kumpulan pengelak cukai adalah terdiri daripada golongan muda dan warga tua dan individu-individu yang berumur 30 – 49 tahun merupakan kumpulan yang mempunyai peratusan kepatuhan dalam membayar cukai yang tinggi berbanding yang lain. Lain-lain hasil yang ditunjukkan dalam kajian mereka mendapati golongan yang berpendidikan tinggi dan individu yang masih belum berkahwin adalah merupakan golongan yang tertinggi dalam mengelak cukai di kedua-dua Negara. Kajian **Jackson dan Milliron (1986)** pula mendapati jantina merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi sikap pematuhan cukai dengan tingkah laku pembayar cukai. Kajian ini menyokong kebanyakan penyelidikan yang mendapati perbezaan jantina turut mempengaruhi kadar pematuhan cukai (**Cohen et al., 1998; Hasseldine, 1999; Powell & Ansic, 1997; Roth et al., 1989**). Kajian-kajian terdahulu ada yang mendapati wanita lebih mematuhi dalam pembayaran cukai dan lelaki merupakan kumpulan jantina yang mempunyai kadar pengelak cukai yang tinggi berbanding wanita (**Jackson & Jaouen, 1989; Hite, 1997**). Di Malaysia, kajian **Kasipillai dan Abdul Jabbar (2006)** mendapati bahawa jantina, kelayakan akademik dan penyedia laporan pendapatan amat signifikan sebagai penentu kepada pengelakan cukai. Kajian **Birch, Peters dan Sawyer (2003)** juga mendapati individu yang mempunyai kelayakan cukai dan mereka yang berpendidikan tinggi sekurang-kurangnya mungkin telah mengurangi pendapatan mereka apabila setiap kali melaporkan pendapatan tahunan, sekaligus menyokong kajian lepas (**Kasipillai, Aripin, and Amran, 2003; Jackson & Milliron, 1986**)

PERMASALAHAN KAJIAN

Berdasarkan beberapa kajian lepas telah mendorong saya untuk melihat bagaimanakah tahap pematuhan dan tanggungjawab kita sebagai pembayar cukai? Adakah kita tergolong di kalangan individu yang jujur dan telus dalam melaporkan pendapatan tahunan atau di kalangan individu yang cuba menipu atau mengelak dari membayar cukai? Mengapa terdapat kumpulan individu yang mengelak cukai sedangkan menikmati manfaat dan kemudahan yang sama seperti mana yang diteima oleh pembayar cukai?

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini disokong oleh keperluan untuk mengumpul lebih data mengenai pengelakan cukai. Objektif kajian ini adalah diadaptasi daripada kajian yang dijalankan oleh **Houston and Tran (2001)** yang direka untuk mencapai objektif seperti berikut :

1. Menganggarkan kadar pengelakan cukai oleh individu-individu di Malaysia (terutamanya di kalangan pensyarah di KPTM Kuala Lumpur)
2. Mengkaji hubungan antara pengelak cukai dengan pembolehubah demografi utama

SIGNIFIKASI KAJIAN

Kajian ini melihat kepada pengelakan cukai dikalangan kakitangan akademik di Kolej Poly-Tech MARA, Kuala Lumpur. Hasil dari kajian ini diharap dapat menyediakan satu maklumat penting untuk mengesan dan menilai keberkesanan dasar-dasar penguatkuasaan pematuhan dalam pembayaran cukai di kalangan rakyat Malaysia. Kajian ini diharap berguna untuk implikasi dasar penguatkuasaan dalam mesasarkan kumpulan-kumpulan yang memerlukan bimbingan program pendidikan cukai dengan

memberi penekanan mengenai sikap yang lebih positif ke arah pematuhan cukai dengan strategi yang berlainan dengan mengambil kira jantina, kelayakan akademik dan professional cukai di samping mengurangkan kadar pengelakan cukai sekaligus memupuk kesedaran dan kepentingan pembayaran cukai bagi menjana ekonomi dan dasar perubahan Negara ke arah yang lebih baik.

PEMBENTUKAN DAN PEMBANGUNAN HIPOTESIS

Dalam kajian yang dihasilkan oleh **Houstan dan Tran (2001)**, enam hipotesis telah dibangunkan yang mengkaji hubungan antara pengelakan cukai dengan enam pembolehubah demografi setiap pembayar cukai. Kajian ini mengadaptasi kajian dan hipotesis yang dibangunkan oleh **Houstan dan Tran (2001)** bertujuan untuk menguji dan melihat beberapa hipotesis seperti yang berikut :

- H_1 : *Pembayar cukai lelaki akan memaparkan lebih tinggi kadar pengelakan cukai berbanding pembayar cukai wanita*
- H_2 : *Pembayar cukai yang berpendapatan rendah lebih berpeluang untuk mengelak dari membayar cukai berbanding yang berpendapatan tinggi*
- H_3 : *Peratusan pengelakan cukai akan menjadi lebih tinggi kepada pembayar cukai yang lebih muda dari pembayar cukai veteran*
- H_4 : *Pembayar cukai yang mempunyai tahap pendidikan yang lebih tinggi adalah menunjukkan kadar pengelakan dari membayar cukai yang lebih tinggi berbanding pembayar cukai yang berpendidikan lebih rendah*
- H_5 : *Pembayar cukai yang menggunakan agen cukai akan memaparkan kadar pengelakan cukai yang lebih tinggi dari pembayar cukai yang tidak menggunakan agen cukai*
- H_6 : *Pembayar cukai yang bekerja sendiri mempunyai kadar pengelakan cukai yang tinggi berbanding yang makan gaji*

Tetapi H_6 (*Jenis pekerjaan*) tidak digunakan di dalam kajian ini memandangkan sampel dan sasaran kumpulan kajian ini terdiri dari golongan akademik di Kolej-Poly Tech MARA, Kuala Lumpur, yang tidak melibatkan kumpulan sampel dari kumpulan yang bebrbeza (bekerja sendiri dan makan gaji).

Bagi menambah sedikit nilai dan perbezaan berbanding kajian **Houstan dan Tran (2001)**, kajian ini turut melihat hubung kait antara status perkahwinan dengan pengelakan cukai seperti yang dinyatakan oleh **Molares (1998)** yang mendapati tugas lelaki untuk member makan keluarganya adalah lebih penting daripada diberikan kepada pihak Kerajaan (cukai). Berikut adalah tambahan hipotesis dalam kajian ini iaitu :

- H_6 : *Pembayar cukai yang telah berkahwin mempunyai kadar pengelakan cukai yang tinggi berbanding yang belum berkahwin*

SASARAN KUMPULAN KAJIAN

Kumpulan sasaran di dalam kajian ini adalah pembayar-pembayar cukai dalam kumpulan pembayar cukai perseorangan (individu) di kalangan akademik di Kolej Poly-Tech MARA, Kuala Lumpur memandangkan mereka dikategorikan dalam kumpulan individu yang layak membayar cukai yang berpendapatan melebihi RM 26,501 setahun, selepas potongan KWSP (*sumber dari; Lembaga Hasil Dalam Negeri*)².

KAEDAH DAN METODOLOGI KAJIAN

Houstan dan Tran (2001) menggunakan dua kaedah iaitu melalui Kaedah Soalselidik dan Temubual bagi memperoleh maklumat. Kajian ini akan menggunakan Kaedah Soalselidik seperti mana yang

² *Sumber dari; Lembaga Hasil Dalam Negeri (www.hasil.gov.my)*

dilakukan oleh **Sapie & Abdullah (2008)** dan pemilihan adalah melibatkan sepuluh orang wakil pensyarah dari lima jabatan (Jabatan Perakaunan, Jabatan Ekonomi dan Perniagaan, Jabatan Bahasa Ingeris, Jabatan Sains Komputer dan Jabatan Pengajian Umum) yang dipilih secara rawak tanpa melihat kepada pengalaman bekerja, umur, tahap pendidikan dan sebagainya. Kaedah soalselidik secara rawak di gunakan kerana ia lebih berkesan (**Houston and Tran, 2001**), dan bersifat tidak berat sebelah. Kaedah temubual tidak digunakan dalam kajian ini memandangkan beberapa kelemahan seperti yang buktikan dalam kajian **Raymand (2006)** yang mengatakan bahawa kaedah ini melibatkan kos yang tinggi dan masa yang lebih panjang. Jelas **Raymond** lagi kelemahan kaedah ini juga lebih tertonjol apabila kita ingin mengutarakan soalan-soalan yang agak sensitif yang mana pihak yang ditemubual berkemungkinan untuk mengelak dan tidak mahu menjawab secara jujur. Instrumen soalselidik adalah diadaptasi dari soalselodik yang disediakan oleh **Houston dan Tran (2001)** dengan beberapa penyesuaian dengan konteks Malaysia. Pada awalnya, kajian ini ingin menguji tahap pengelakan cukai di kalangan 50 ahli akademik dari pelbagai Jabatan yang dipilih secara rawak. Bagaimanapun, hanya 44 ahli akademik yang memberikan kerjasama dengan menjawab semua soalselidik yang diutarakan. Soalan soalselidik terdiri daripada 2 Bahagian iaitu Bahagian A (bagi menguji demografi) yang memerlukan maklumat tentang responden seperti jantina, umur, pendapatan bulanan, status perkahwinan, tahap pendidikan dan maklumat penyedia laporan pendapatan tahunan. Manakala Bahagian B adalah pengakuan tentang penyediaan dalam laporan pendapatan tahunan sama ada bersikap jujur atau sebaliknya. Bahagian ini melihat sama ada responden sengaja meninggalkan sebahagian pendapatan yang diterima, sengaja membuat tuntutan potongan yang tidak berhak dan sengaja membuat tuntutan rebat cukai yang tidak layak. Responden hanya perlu menjawab 'Ya' atau 'Tidak' bagi setiap soalan dalam Bahagian B ini. Jawapan 'Ya' menunjukkan responden mengelak cukai kerana mereka sengaja untuk meninggalkan sebahagian pendapatan yang sepatutnya kena cukai, sengaja membuat tuntutan potongan yang tidak berhak dan sengaja membuat tuntutan rabat cukai yang tidak layak. Setiap jawapan 'Tidak' menunjukkan bahawa responden bersikap jujur dan tidak mengelak cukai.

ANALISIS DAN HASIL KAJIAN

Kajian ini menggunakan analisis *regression linear* dan ANOVA bagi mendapatkan output *Mean*, *Standard Deviation*, *Coefficient*, *F*, *t* dan *Significant*.

Profil Responden

Kajian ini menguji 44 ahli akademik di Kolej Poly-Tech MARA, Kuala Lumpur yang terdiri dari 10 responden lelaki (22.7%) dan majoriti adalah dari responden wanita iaitu sebanyak 34 orang yang mewakili 77.33%. Dari 44 responden, kebanyakannya terdiri dari responden yang berumur diantara 31 – 35 tahun yang mewakili 38.6%, 20.5% pula terdiri daripada responden yang berumur antara 25 – 30 tahun dan 36 – 40 tahun. Manakala, 13.6% adalah responden berumur antara 41 – 45 tahun dan 6.8% berumur antara 46 – 50 tahun. Selain itu, kajian ini juga menunjukkan majoriti daripada responden telah pun berkahwin iaitu sebanyak 84.1% , manakala selebihnya adalah yang masih bujang yang mewakili 15.9%. Hasil kajian ini juga turut melihat kepada jumlah pendapatan responden setiap bulan dan didapati bahawa seramai 54.5% menerima pendapatan bulanan diantara RM2,500 – RM4,000, diikuti 34.1% menerima pendapatan bulanan sebanyak RM4,001 – RM5,500 dan hanya 11.4% dari jumlah responden menerima pendapatan bulanan diantara RM5,501 – RM7,000. Selain itu, hasil kajian menunjukkan kebanyakan responden adalah terdiri daripada pemegang Sarjana iaitu mewakili 72.7%, diikuti pemegang Sarjana Muda atau Ijazah iaitu sebanyak 22.7% dan selebihnya adalah responden yang mewakili tahap pendidikan bertaraf Professional iaitu sebanyak 4.5%. Akhir sekali, kajian ini turut menunjukkan majoriti laporan pendapatan responden disediakan oleh agen cukai iaitu sebanyak 79.5% dan selebihnya melaporkan pendapatan sendiri tanpa menggunakan khidmat agen cukai iaitu sebanyak 20.5%. **Jadual 1** menunjukkan profil responden seperti mana yang telah dinyatakan seperti di atas.

Hasil Kajian - Jantina

Kajian ini menguji 44 ahli akademik di Kolej Poly-Tech MARA, Kuala Lumpur yang terdiri dari 10 responden lelaki (22.7%) dan majoriti adalah dari responden wanita iaitu sebanyak 34 orang yang mewakili 77.33%. '0' mewakili 'Ya' yang membawa maksud responden adalah pengelak cukai

manakala '1' mewakili 'Tidak' yang membawa maksud responden tidak mengelak cukai. Berdasarkan kajian, lelaki menunjukkan lebih mengelak cukai berbanding perempuan. Kajian ini menyokong H_1 seperti yang ditunjukkan di dalam **Jadual 2**.

Rumusan Hasil Kajian :

H_1 : *Pembayar cukai lelaki akan memaparkan lebih tinggi kadar pengelakan cukai berbanding pembayar cukai wanita*

Menyokong Hipotesis 1 – Lelaki lebih tinggi mengelak cukai berbanding wanita

Hasil Kajian – Pendapatan Bulanan

Hasil kajian ini juga turut melihat kepada jumlah pendapatan responden setiap bulan dan didapati bahawa seramai 54.5% menerima pendapatan bulanan diantara RM2,500 – RM4,000, diikuti 34.1% menerima pendapatan bulanan sebanyak RM4,001 – RM5,500 dan hanya 11.4% dari jumlah responden menerima pendapatan bulanan diantara RM5,501 – RM7,000. '0' mewakili 'Ya' yang membawa maksud responden adalah pengelak cukai manakala '1' mewakili 'Tidak' yang membawa maksud responden tidak mengelak cukai. Kajian ini menunjukkan responden yang berpendapatan rendah lebih mengelak cukai berbanding dengan yang berpendapatan tinggi, seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 3.

Rumusan Hasil Kajian :

H_2 : *Pembayar cukai yang berpendapatan rendah lebih berpeluang untuk mengelak dari membayar cukai berbanding yang berpendapatan tinggi*

Menyokong Hipotesis 2 – Responden yang berpendapatan rendah lebih mengelak cukai berbanding yang berpendapatan tinggi

Hasil Kajian - Umur

Dari 44 responden, kebanyakannya terdiri dari responden yang berumur diantara 31 – 35 tahun yang mewakili 38.6%, 20.5% pula terdiri daripada responden yang berumur antara 25 – 30 tahun dan 36 – 40 tahun. Manakala, 13.6% adalah responden berumur antara 41 – 45 tahun dan 6.8% berumur antara 46 – 50 tahun. '0' mewakili 'Ya' yang membawa maksud responden adalah pengelak cukai manakala '1' mewakili 'Tidak' yang membawa maksud responden tidak mengelak cukai. Kajian ini menunjukkan responden yang berumur diantara 31 – 35 tahun menunjukkan lebih mengelak cukai dan diikuti kumpulan umur diantara 36 – 40 tahun berbanding kumpulan umur yang lain, seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 4.

Rumusan Hasil Kajian :

H_3 : *Peratusan pengelakan cukai akan menjadi lebih tinggi kepada pembayar cukai yang lebih muda dari pembayar cukai veteran*

Hipotesis 3 – Responden di dalam kumpulan pertengahan umur lebih mengelak cukai berbanding lain

Hasil Kajian – Tahap pendidikan

Hasil kajian menunjukkan kebanyakan responden adalah terdiri daripada pemegang Sarjana iaitu mewakili 72.7%, diikuti pemegang Sarjana Muda atau Ijazah iaitu sebanyak 22.7% dan selebihnya adalah responden yang mewakili tahap pendidikan bertaraf Professional iaitu sebanyak 4.5%. '0'

mewakili 'Ya' yang membawa maksud responden adalah mengelak cukai manakala '1' mewakili 'Tidak' yang membawa maksud responden tidak mengelak cukai. Hasil kajian menunjukkan responden yang mempunyai pendidikan professional lebih mengelak cukai berbanding yang lain, seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 5.

Rumusan Hasil Kajian :

H_4 : *Pembayar cukai yang mempunyai tahap pendidikan yang lebih tinggi adalah menunjukkan kadar pengelakan dari membayar cukai yang lebih tinggi berbanding pembayar cukai yang berpendidikan lebih rendah*

Menyokong Hipotesis 4 – Responden berpendidikan tinggi lebih mengelak cukai berbanding yang lain

Hasil Kajian – Penyedia Laporan Pendapatan

Kajian ini turut menunjukkan majoriti laporan pendapatan responden disediakan oleh agen cukai iaitu sebanyak 79.5% dan selebihnya melaporkan pendapatan sendiri tanpa menggunakan khidmat agen cukai iaitu sebanyak 20.5%. '0' mewakili 'Ya' yang membawa maksud responden adalah mengelak cukai manakala '1' mewakili 'Tidak' yang membawa maksud responden tidak mengelak cukai. Hasil kajian menunjukkan responden yang menggunakan agen dalam penyediaan laporan pendapatan lebih mengelak cukai berbanding yang menyediakan sendiri laporan pendapatan mereka, seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 6.

Rumusan Hasil Kajian :

H_5 : *Pembayar cukai yang menggunakan agen cukai akan memaparkan kadar pengelakan cukai yang lebih tinggi dari pembayar cukai yang tidak menggunakan agen cukai*

Menyokong Hipotesis 5 – Responden yang menggunakan agen cukai lebih mengelak cukai berbanding yang tidak menggunakan agen cukai dalam penyediaan laporan pendapatan tahunan

Hasil Kajian – Status Perkahwinan

Kajian ini juga menunjukkan majoriti daripada responden telah pun berkahwin iaitu sebanyak 84.1% , manakala selebihnya adalah masih bujang yang mewakili 15.9%. '0' mewakili 'Ya' yang membawa maksud responden adalah mengelak cukai manakala '1' mewakili 'Tidak' yang membawa maksud responden tidak mengelak cukai. Hasil kajian menunjukkan responden yang berkahwin lebih mengelak cukai berbanding yang bujang, seperti yang ditunjukkan di dalam **Jadual 7**

Rumusan Hasil Kajian :

H_6 : *Pembayar cukai yang telah berkahwin mempunyai kadar pengelakan cukai yang tinggi berbanding yang belum berkahwin*

Menyokong Hipotesis 6 – responden yang telah berkahwin lebih mengelak cukai berbanding yang masih bujang

RUMUSAN KAJIAN

Kajian ini melihat hubungan diantara demografi dengan pengelakan cukai dikalangan kakitangan akademik di Kolej Poly-Tech MARA, Kuala Lumpur. Lima daripada enam hipotesis yang dibangunkan dalam kajian ini disokong seperti di dalam kajian-kajian lepas. Hasil kajian ini telah menunjukkan lelaki lebih banyak yang mengelak dari membayar cukai berbanding wanita walaupun bilangan responden antara lelaki dan perempuan tidak seimbang. Keputusan ini juga sama seperti yang

dihasilkan oleh Jackson dan Milliron (1986); Cohen et al. (1998); Hasseldine (1999); Powell & Ansic (1997); Roth et al. (1989); Jackson & Jaouen (1989); Hite (1997); Kasipillai dan Abdul Jabbar (2006). Golongan yang berpendapatan rendah pula menunjukkan lebih ramai yang mengelak cukai berbanding yang berpendapatan tinggi seperti mana yang dihasilkan dalam kajian Houston dan Tran (2001). Walaubagaimanapun, kajian ini menunjukkan kebanyakan pengelak cukai terdiri dari kumpulan umur pertengahan iaitu diantara 31 – 40 tahun, hasil ini tidak menyamai dengan mana-mana kajian sebelum ini seperti kajian oleh Alm & Torgler (2004); McGee & Tyler (2006) menunjukkan golongan muda akan mengelak cukai berbanding golongan yang lebih tua. Selain itu, kajian ini juga menunjukkan kebanyakan yang mengelak cukai terdiri dari golongan yang berpendidikan tinggi atau mempunyai kelayakan akademik yang tinggi sekaligus menyokong kajian yang dibuat oleh Kasipillai dan Abdul Jabbar (2006), Birch, Peters dan Sawyer (2003); Kasipillai, Aripin, and Amran (2003) dan Jackson & Milliron (1986). Responden yang melantik agen untuk menyediakan laporan pendapatan tahunan pula menunjukkan lebih ramai yang menyumbang kepada mengelak cukai berbanding mereka yang menyediakan sendiri laporan pendapatan tahunan mereka, sekaligus menyokong kajian yang dihasilkan oleh Kasipillai dan Abdul Jabbar (2006). Kajian ini juga turut menunjukkan golongan yang berkahwin lebih ramai yang mengelak cukai berbanding mereka yang masih bujang. Walaubagaimanapun, ia tidak menyamai mana-mana kajian lepas. Selain itu, kajian ini melihat kepada kumpulan pengelak cukai yang ditunjukkan dalam Jadual 8 hingga 10. Ia boleh dirumuskan bahawa kumpulan yang mengelak cukai adalah terdiri dari kumpulan yang berpendidikan tinggi dan menggunakan khidmat agen cukai bagi menyediakan laporan pendapatan tahunan mereka.

KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Kajian ini mengukur kadar pengelakan cukai bagi menyediakan satu alat penting untuk mengesan dan menilai keberkesanan dasar-dasar penguatkuasaan pematuhan dalam pembayaran cukai di kalangan rakyat Malaysia. Kajian ini diharap berguna untuk implikasi dasar penguatkuasaan dalam mesasarkan kumpulan-kumpulan yang memerlukan bimbingan program pendidikan cukai dengan memberi penekanan mengenai sikap yang lebih positif ke arah pematuhan cukai dengan strategi yang berlainan dengan mengambil kira jantina, kelayakan akademik dan professional cukai di samping mengurangi kadar pengelakan cukai sekaligus memupuk kesedaran dan kepentingan pembayaran cukai bagi menjana ekonomi dan dasar perubahan Negara ke arah yang lebih baik.

RUJUKAN

- A Birch, T Peters, and AJ Sawyer (2003). New Zealanders' Attitudes Towards Tax Evasion: A Demographic Analysis. *New Zealand Journal of Taxation Law and Policy* 65
- Akaah, I. P. (1989). Differences in Research Ethics Judgments Between Male and Female Marketing Professionals. *Journal of Business Ethics* 8, 375-381.
- Alm, J. & Torgler, B. (2004). Estimating the Determinants of Tax Morale. National Tax Association – Tax Institute of America. Proceedings of the Annual Meeting. 269-274.
- Blake Ellis (2011). Tax cheats: Single, young and male – survey made by DDB Worldwide Communications Group. http://money.cnn.com/2011/03/28/pf/taxes/tax_cheaters/index.htm
- Boyd, D. P. (1981). Improving Ethical Awareness Through the Business and Society Course. *Business and Society* 20, 21, 2, 1: 27-31
- Choong Kwai Fatt and Edward Wong Sek Khin (2011). A Study on Self-Assessment Tax System Awareness in Malaysia. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*, 5(7): 881-888, 2011, ISSN 1991-8178.
- Cohen, J. R., Plant, L. W., & Sharp, D. J. (1998). The effect of gender and academic discipline diversity on the ethical evaluations, ethical intentions and ethical orientation of potential public accounting recruits. *Accounting Horizons*, 12(3), 250 – 270
- Eduardo M.R.A. Engel, Alexander Galetovic & Claudio E. Raddatz (1999). Taxes and income distribution in Chile: some unpleasant redistributive arithmetic. *Journal of Development Economics*, Vol. 59 _1999. 155–192
- Gil S. Epstein and Ira N. Gang (2010). Why Pay Taxes When No One Else Does?. Review of Development Economics, [Volume 14, Issue 2](#), pages 374–385, May 2010
- Guglielmo Barone and Sauro Mocetti (2009). Tax morale and public spending inefficiency. Temi di Discussione (Working Papers), Number 732 - November 2009

- Hasseldine, J. (1999). Gender differences in tax compliance. *Asia-Pacific Journal of Taxation*, 3(2), 73–89
- Hite, P. A. (1997). An investigation of moral suasion and vertical equity arguments on intended taxpayer compliance. *Law and Policy*, 19(1), 1–22.
- Hoffman, J. J. (1998). Are Women Really More Ethical Than Men? Maybe It Depends on the Situation. *Journal of Managerial Issues* 10, 60-73.
- Jackson, B. R., & Jaouen, P. R. (1989). Influencing taxpayer compliance through sanction threat or appeals to conscience. *Advances in Taxation*, 2, 31–147
- Jackson, B. R., & Milliron, V. C. (1986). Tax compliance research: Findings, problems and prospects. *Journal of Accounting Literature*, 5, 125–165.
- Jeffrey D. Eicher, Thomas J. Stuhldreher and Wendy L. Stuhldreher. Taxes and Ethics: Taxpayer Attitudes Over Time. *Journal of Tax Practice & Procedure*, page 33 – 41
- Jodie Houston, Alfred Tran (2001). A Survey of Tax Evasion Using the Randomized Response Technique. *Advances in Taxation, Volume 13*, Emerald Group Publishing Limited, pp.69-94
- Joel Slemrod. Cheating Ourselves: The Economics of Tax Evasion. *Journal of Economic Perspectives—Volume 21, Number 1—Winter 2007—Pages 25–48*
- Kasipillai J. & Abdul Jabbar H. (2006). Gender and Ethnicity Differences in Tax Compliance. *Asian Academy of Management Journal*, Vol 11, No. 2, 73 – 88, July 2006
- McGee, R. W. (1994). Is Tax Evasion Unethical? *University of Kansas Law Review*, 42(2): 411-435. Reprinted at <http://ssrn.com/abstract=74420>.
- McGee, R. W. (1997). The Ethics of Tax Evasion and Trade Protectionism from an Islamic Perspective. *Commentaries on Law & Public Policy*, 1: 250-262. Reprinted at <http://ssrn.com/abstract=461397>.
- McGee, R.W. (2006b). Three Views on the Ethics of Tax Evasion. *Journal of Business Ethics* 67(1): 15-35.
- McGee, R. W. (2007). Ethics and Tax Evasion in Asia. *ICFAI Journal of Public Finance*, Vol. 5, No. 2 (May 2007): 21-33. Reprinted in *Business Ethics: A 360 Degree Appraisal*, ICFAI University Press. Hyderabad, India.
- McGee, R.W. (2008c). Trends in the Ethics of Tax Evasion: An Empirical Study of 10 Transition Economies, in Robert W. McGee, editor, *Taxation and Public Finance in Transition and Developing Economies*. New York: Springer, 2008
- McGee, R.W. & Tyler, M. (2007). Tax Evasion and Ethics: A Comparative Study of 33 Countries. *Proceedings of the International Academy of Business and Public Administration Disciplines* 4 (1), 709-729.
- Morales, A. (1998). Income Tax Compliance and Alternative Views of Ethics and Human Nature. *Journal of Accounting, Ethics & Public Policy*, and 1(3): 380-399, reprinted in R. W. McGee (ed.), *The Ethics of Tax Evasion. The Dumont Institute for Public Policy Research: Dumont, NJ, 1998*, pp. 242-258
- Powell, M., & Ansic, D. (1997). Gender differences in risk behavior in financial decisionmaking: An experimental analysis. *Journal of Economic Psychology*, 18(6), 605 – 628.
- Opdenakker, Raymond (2006). Advantages and Disadvantages of Four Interview Techniques in Qualitative Research. [44 paragraphs]. *Forum Qualitative Sozialforschung/Forum: Qualitative Social Research*, Vol 7 (No. 4), Art. 11 – Sept 2006, <http://nbn-resolving.de/urn:nbn:de:0114-fqs0604118>
- Robert W. McGee & Wendy Gelman (2008). Cheating on Taxes: A Comparative Study Of Opinion in Six Latin American Countries and The USA. *Working Paper May 2008*. Florida International University, Chapman Graduate School of Business
- Roth, J. A., Scholz, J. T., & Whitte, A. D. (1989). *Taxpayer compliance: An agenda for research*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.
- <http://www.hasil.gov.my/goindex.php?kump=5&skum=5&posi=3&unit=7000&sequ=11>

JADUAL 1 - Ringkasan Profil Responden

Jantina	Kekerapan	Peratus
Lelaki	10	22.7
Perempuan	34	77.3
Umur (tahun)	Kekerapan	Peratus
25 – 30	9	20.5
31 – 35	17	38.6
36 – 40	9	20.5
41 – 45	5	13.6
46 – 50	3	6.8
Status perkahwinan	Kekerapan	Peratus
Bujang	7	15.9
Berkahwin	37	84.1
Pendapatan bulanan	Kekerapan	Peratus
RM2,500 – RM4,000	24	54.5
RM4,001 – RM5,500	15	34.1
RM5,501 – RM7,000	5	11.4
Tahap pendidikan	Kekerapan	Peratus
Ijazah	10	22.7
Sarjana	32	72.7
Professional	2	4.5
Penyedia laporan	Kekerapan	Peratus
Sendiri	9	20.5
Agen cukai	35	79.5

JADUAL 2: Hasil Kajian - Jantina

Jantina	Mean	Std Dev
Lelaki	.87	.28
Perempuan	.88	.31

	Unstandardized Coefficients		Standardizes Coefficients	F	t	Sig
	B	Srd Error	Beta			
Jantina	-.161	.115	.003	.351	.016	.61

JADUAL 3: Hasil Kajian – Pendapatan Bulanan

Pendapatan bulanan	Mean	Std Dev
RM2,500 – RM4,000	.81	.39
RM4,001 – RM5,500	.96	.12
RM5,501 – RM7,000	1.0	.00

	Unstandardized Coefficients		Standardizes Coefficients	F	t	Sig
	B	Srd Error	Beta			
Pendapatan Bulanan	.110	.068	.242	1.66	1.63	.142

JADUAL 4: Hasil Kajian - Umur

Umur	Mean	Std Dev
25 – 30	.93	.15
31 – 35	.80	.39
36 – 40	.85	.29
41 – 45	1.0	.00
46 – 50	1.0	.00

	Unstandardized Coefficients		Standardizes Coefficients	F	t	Sig
	B	Srd Error	Beta			
Umur	.032	.041	.116	1.132	.754	.44

JADUAL 5: Hasil Kajian – Tahap pendidikan

Tahap pendidikan	Mean	Std Dev
Ijazah	1.0	.00
Sarjana	.85	.35
Professional	.67	.00

	Unstandardized Coefficients		Standardizes Coefficients	F	t	Sig
	B	Srd Error	Beta			
Tahap pendidikan	-.12	.073	-.205	2.90	-.290	.445

JADUAL 6: Hasil Kajian – Penyedia Laporan Pendapatan

Penyedia Laporan Pendapatan	Mean	Std Dev
Sendiri	1.0	.00
Agen cukai	.85	.35

	Unstandardized Coefficients		Standardizes Coefficients	F	t	Sig
	B	Srd Error	Beta			
Penyedia Laporan Pendapatan	-.143	.093	-.127	1.614	-.840	.437

JADUAL 7: Hasil Kajian – Status Perkahwinan

Status perkahwinan	Mean	Std Dev
Bujang	.90	.16
Berkahwin	.88	.33

	Unstandardized Coefficients		Standardizes Coefficients	F	t	Sig
	B	Srd Error	Beta			
Status Perkahwinan	-.067	.131	-.050	.753	-.330	.417

JADUAL 8: Hasil Kajian Demografi Berkelompok

Jantina	Umur	Status perkahwinan	Pendapatan bulanan	Tahap pendidikan	Penyedia laporan cukai	Mean	Std Deviation	
Lelaki	25-30	Berkahwin	RM2,500 – RM4,000	Sarjana	Agen cukai	.67	.00	
	31 - 35	Berkahwin	RM2,500 – RM4,000	Sarjana	Agen cukai	.78	.19	
			RM4,001 – RM5,500	Sarjana	Sendiri	1.00	.00	
	36 - 40	Berkahwin	RM4,001 – RM5,500	Sarjana	Agen cukai	1.00	.00	
	46 - 50	Bujang	RM5,501 – RM7,000	Ijazah	Agen cukai	1.00	.00	
Perempuan	25 - 30	Bujang	RM2,500 – RM4,000	Sarjana	Sendiri	1.00	.00	
				Ijazah	Agen cukai	1.00	.00	
				Professional	Agen cukai	.67	.00	
		Berkahwin	RM2,500 – RM4,000	Ijazah	Sendiri	1.00	.00	
				RM4,001 – RM5,500	Sarjana	Sendiri	1.00	.00
						Agen cukai	1.00	.00
	31 - 35	Bujang	RM2,500 – RM4,000	Professional	Agen cukai	.67	.00	
	36 - 40	Berkahwin	RM2,500 – RM4,000	Sarjana	Agen cukai	.83	.19	
			RM4,001 – RM5,500	Sarjana	Agen cukai	.67	.00	
	46 - 50	Bujang	RM5,501 – RM7,000	Ijazah	Agen cukai	1.00	.00	

JADUAL 9: Hasil Kajian Demografi Berkelompok (Fokus kepada Kumpulan Pengelak Cukai)

Jantina	Umur	Status perkahwinan	Pendapatan bulanan	Tahap pendidikan	Penyedia laporan cukai	Mean	Std Deviation				
Lelaki	25-30	Berkahwin	RM2,500 – RM4,000	Sarjana	Agen cukai	.67	.00				
	31 - 35	Berkahwin	RM2,500 – RM4,000	Sarjana	Agen cukai	.78	.19				
			RM4,001 – RM5,500	Sarjana	Sendiri	1.00	.00				
	36 - 40	Berkahwin	RM4,001 – RM5,500	Sarjana	Agen cukai	1.00	.00				
	46 - 50	Bujang	RM5,501 – RM7,000	Ijazah	Agen cukai	1.00	.00				
Perempuan	25 - 30	Bujang	RM2,500 – RM4,000	Sarjana	Sendiri	1.00	.00				
				Ijazah	Agen cukai	1.00	.00				
				Professional	Agen cukai	.67	.00				
	Berkahwin	RM2,500 – RM4,000	Ijazah	Sendiri	1.00	.00					
			RM4,001 – RM5,500	Sarjana	Sendiri	1.00	.00				
	31 - 35	Bujang	RM2,500 – RM4,000	Professional	Agen cukai	.67	.00				
					36 - 40	Berkahwin	RM2,500 – RM4,000	Sarjana	Agen cukai	.83	.19
								RM4,001 – RM5,500	Sarjana	Agen cukai	.67
46 - 50	Bujang	RM5,501 – RM7,000	Ijazah	Agen cukai	1.00	.00					

JADUAL 10: Rumusan Hasil Kajian Demografi Berkelompok Kumpulan Pengelak Cukai

Kumpulan	Jantina	Umur	Status perkahwinan	Pendapatan bulanan	Tahap pendidikan	Penyedia laporan pendapatan tahunan	Mean
Kumpulan 1	Lelaki	25-30	Berkahwin	RM2,500 – RM4,000	Sarjana	Agen cukai	.67
Kumpulan 2	Lelaki	31 - 35	Berkahwin	RM2,500 – RM4,000	Sarjana	Agen cukai	.78
Kumpulan 3	Perempuan	25 - 30	Bujang	RM2,500 – RM4,000	Professional	Agen cukai	.67
Kumpulan 4	Perempuan	31 - 35	Bujang	RM2,500 – RM4,000	Professional	Agen cukai	.67
Kumpulan 5	Perempuan	36 - 40	Berkahwin	RM2,500 – RM4,000	Sarjana	Agen cukai	.83
Kumpulan 6	Perempuan	36 - 40	Berkahwin	RM4,001 – RM5,500	Sarjana	Agen cukai	.67

Persamaan dalam kumpulan yang mengelak cukai ini adalah terdiri dari kumpulan responden yang **berpendidikan tinggi** (Peringkat Sarjana dan Professional) dan mereka yang **menggunakan khidmat agen cukai** untuk melaporkan pendapatan tahunan kepada pihak Berkuasa.